

11 OCT 2000

Kasitah-JUPEM

MAKLUMAT MENGENAI TANAH LEBIH MUDAH MELALUI E-DAGANG

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Pelanggan yang berurusan dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) boleh mendapatkan maklumat cepat melalui internet dengan pelancaran e-dagang JUPEM pada 24 Okt ini.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam berkata jika selama ini proses mendapatkan maklumat secara manual memakan masa, penggunaan internet akan membolehkan pelanggan memperolehi maklumat dengan cepat.

Projek e-dagang JUPEM itu dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke kementerian itu pada 24 Okt ini. Ia merupakan projek e-dagang pertama di sektor awam di negara ini.

"Projek e-commerce itu merupakan satu daripada projek pemodenan yang dibuat bagi memudahkan kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tanah negara," katanya pada sidang media mengenai lawatan Perdana Menteri ke kementerian itu.

Menurutnya selain mendapatkan maklumat tanpa perlu keluar dari pejabat, pelanggan juga boleh membuat pembayaran secara mudah melalui kad kredit atau perkhidmatan pra-bayar menerusi komputer.

Kasitah berkata produk yang disediakan JUPEM untuk penjualan secara e-dagang termasuk Data Ukur Kadaster Berdigit dan Pelan Akui bagi tanah yang telah diukur.

Menurutnya sistem pembayaran secara pra-bayar telah mula digunakan sejak Febuari lalu.

Selepas pelancarannya, sistem pembayaran kad kredit pula boleh digunakan.

Antara projek pemodenan lain yang sedang dijalankan kementerian itu termasuklah e-Peta, Sistem Aktif Penetapan Global (MASS), Sistem Maklumat Geografi Ketenteraan, Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Infrastruktur Kebangsaan bagi Maklumat Tanah (NaLIS).

-- BERNAMA

HIS AZZ LAT